

# PANDUAN BAGI PENGIMPORAN HAIWAN KESAYANGAN KE MALAYSIA



Disediakan oleh:  
Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia  
(MAQIS)  
Cetakan Pertama 2016

## PASTIKAN ANDA MENGETAHUI SYARAT-SYARAT AM PENGIMPORAN ANJING ATAU KUCING SEBELUM ANDA MULA MENGIMPOR SEPERTI BERIKUT:

1. Anjing atau kucing tidak boleh berusia kurang daripada 3 bulan semasa pengimportan.
2. Pengimportan hendaklah disertakan dengan permit import yang sah yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).
3. Pengimportan hendaklah disertakan dengan Sijil Kesihatan Veterinar yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Veterinar Negara Pengeksport. Pengeksportan hendaklah dilakukan dalam tempoh 7 hari dari tarikh SKV dikeluarkan.
4. Anjing atau kucing hendaklah dipasang dengan pengenalan mikrocip yang mematuhi standard ISO (std 11784 & 11785).
5. Bagi pengimportan anjing baka terhad, sila dapatkan kelulusan Ketua Pengarah MAQIS sebelum melakukan permohonan permit.
6. Buku Rekod Vaksinasi atau Pet Passport hendaklah mengandungi maklumat status sejarah vaksinasi, rawatan diberikan dan keadan kesihatan terkini anjing atau kucing tersebut.
7. Tempoh kuarantin adalah berbeza mengikut negara pengeksport dan bagi anjing atau kucing yang diwajibkan untuk menjalani kuarantin hendaklah dikuarantin di Stesen Kuarantin Haiwan sebaik sahaja tiba di Malaysia.
8. Konsainan haiwan hendaklah dibawa oleh kapal terbang atau jenis pengangkutan yang lain terus ke tempat pendaratan yang ditetapkan di Malaysia.

(Sila rujuk Protokol Import Kucing dan Anjing yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia bagi maklumat lengkap berkenaan syarat-syarat tersebut di laman sesawang [www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my) )

# SYARAT-SYARAT BAGI KELULUSAN PENGIMPORAN ANJING BAKA TERHAD

Kelulusan untuk mengimport anjing baka terhad hendaklah diperolehi secara bertulis daripada Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia, tertakluk kepada syarat-syarat berikut sebelum membuat permohonan permit import:

1. Anjing tidak boleh berusia kurang daripada 3 bulan semasa import.
2. Anjing hendaklah mempunyai sijil baka yang dikeluarkan oleh sebuah organisasi yang diluluskan di negara eksport (nama dan alamat organisasi hendaklah dinyatakan)
3. Anjing hendaklah dikenal pasti menggunakan mikrochip yang mematuhi ISO (Std 11784 dan 11785) dan kod pengenalan jelas dicatatkan dalam sijil baka.
4. Nama dan alamat pengimport yang akan bertanggungjawab bagi penjagaan dan pengendalian anjing itu hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam permohonan tersebut
5. Premis atau kediaman anjing itu hendaklah diperiksa oleh Ketua Pengarah MAQIS untuk mengesahkan kemudahan anjing, saiz perkarangan, keselamatan dan kawalan anjing.

## **SYARAT-SYARAT BAGI KELULUSAN PENGIMPORAN ANJING BAKA TERHAD**

6. Pengimport hendaklah menyediakan suatu akuan bertulis bahawa anjing itu;
  - i. adalah haiwan peliharaan peribadi dan bukan bertujuan untuk jualan (pengimportan anjing baka terhad dibenarkan sebagai haiwan peliharaan peribadi pengimport atau untuk tujuan keselamatan sahaja)
  - ii. hendaklah dikandang di dalam lingkungan kawasan pada setiap masa
  - iii. hendaklah dirantai dan muncung ditutup pada setiap masa di kawasan awam
  - iv. hendaklah di bawah kawalan pengendali yang terlatih dan mahir pada setiap masa (bagi anjing keselamatan)

## **SENARAI ANJING BAKA DI LARANG IMPORT DAN ANJING BAKA TERHAD**

### **1. Anjing Baka Terhad**

- a. Bull Mastiff
- b. Bull Terrier
- c. Doberman
- d. German Shepard/Alsation termasuk Belgian Shepard dan East European Shepard
- e. Perro de Presa Canario (juga dikenali sebagai Canary Dog)
- f. Rottweiler

### **2. Anjing Baka Di Larang Import**

- a. Akita
- b. American Bulldog
- c. Dogo Argentino
- d. Fila Brasileiro
- e. Japanese Tosa
- f. Neapolitan Mastiff
- g. Pit Bull Terrier / Pit Bull (juga dikenali sebagai American Pit Bull, American Pit Bull Terrier, American Staffordshire Terrier dan Staffordshire Bull Terrier)

# SILA IKUTI LANGKAH-LANGKAH BERIKUT BAGI MEMOHON PERMIT IMPORT HAIWAN KESAYANGAN ANDA

## LANGKAH 1: KENALPASTI JIKA HAIWAN KESAYANGAN WAJIB KUARANTIN ATAU TIDAK

- i. Kenalpasti sama ada haiwan kesayangan anda daripada negara dikecualikan keperluan kuarantin atau tidak dikecualikan. \*<sup>1</sup>
- ii. Jika daripada negara yang dikecualikan kuarantin, sila terus ke langkah 4. Jika dari negara yang wajib kuarantin, sila ikuti langkah seterusnya.

\*<sup>1</sup> Sila rujuk muka surat 10 bagi senarai negara yang dikecualikan keperluan kuarantin dan negara yang tidak dikecualikan

## LANGKAH 2: TEMPAH RUANG KUARANTIN DI STESEN KUARANTIN HAIWAN (SKH)

- i. Pilih tarikh pengimportan.
- ii. Tempahan ruang kuarantin hendaklah dibuat 14 hari sebelum tarikh pengimportan haiwan kesayangan.\*<sup>2</sup>
- iii. Hubungi melalui telefon atau email Stesen Kuarantin Haiwan (SKH) untuk bertanya berkenaan kekosongan ruang kuarantin pada tarikh tersebut.\*<sup>3</sup>

\*<sup>2</sup> Peraturan 20 (2) Peraturan-peraturan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Kuarantin dan Pemeriksaan) 2013

\*<sup>3</sup> Pihak SKH akan menghubungi anda semula dalam tempoh 3 hari melalui telefon atau email

### LANGKAH 3: ISI BORANG TEMPAHAN RUANG KUARANTIN (BORANG MK1) DAN BAYAR DEPOSIT

- i. Setelah pemohon menerima pengesahan daripada SKH bahawa terdapatnya ruang kuarantin pada tarikh pengimportan, seterusnya anda dikehendaki ke Pejabat SKH untuk mengisi Borang Tempahan Ruang Kuarantin (Borang MK1) dan membayar deposit. \*<sup>1</sup>
- ii. Deposit tidak akan dipulangkan semula. Jika bayaran deposit tidak diterima sepenuhnya selepas 48 jam, ruang kuarantin akan dibuka semula untuk orang lain membuat tempahan. Sebarang perubahan kepada tempahan hendaklah dimaklumkan kepada SKH dalam tempoh 3 hari selepas tempahan diluluskan. \*<sup>2</sup>
- iii. Tempoh sah tempahan adalah sehingga 5 hari bekerja selepas tarikh pengimportan yang dinyatakan oleh pemohon dan mana-mana ruang tempahan yang tidak digunakan selepas tempoh tersebut akan dibuka semula untuk ditempah oleh orang lain.
- iv. Pemohon akan diberikan satu Nombor Tempahan Ruang Kuarantin yang merupakan syarat untuk kelulusan permit import kucing atau anjing.

\*<sup>1</sup> Deposit : Jumlah fi ruang kuarantin untuk selama tempoh minimum haiwan dikuarantinkan

\*<sup>2</sup> Peraturan 20 (4) Peraturan-peraturan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia ( Kuarantin dan Pemeriksaan) 2013

#### **LANGKAH 4: MOHON PERMIT IMPORT ANJING ATAU KUCING ANDA MELALUI SISTEM PERMOHONAN PERMIT ATAS TALIAN (E-PERMIT) DAN MASUKKAN NOMBOR TEMPAHAN RUANG KUARANTIN**

- i. Lantik ejen mengimport untuk memohon permit import kucing atau anjing bagi pihak pemohon. \*<sup>1</sup>
- ii. Masukkan Nombor Tempahan Ruang Kuarantin ke dalam permohonan permit import pemohon melalui sistem permohonan e-Permit. \*<sup>2</sup>
- iii. Sekiranya anda mengimport kucing atau anjing daripada negara yang dikecualikan daripada kuarantin, anda tidak perlu untuk melakukan no.2 di atas.
- iv. Pegawai MAQIS melalui sistem e-Permit akan mengesahkan maklumat permohonan termasuk nombor tempahan (jika berkaitan) dan akan melulus atau menolak permohonan permit import tersebut.
- v. Bagi permohonan yang ditolak, ejen yang dilantik perlu mengemukakan semula permohonan tersebut. \*<sup>6</sup>

\*<sup>1</sup> Senarai ejen pengimport berdaftar dengan MAQIS di pejabat SKH dan pintu masuk tertentu atau melalui website MAQIS.

\*<sup>2</sup> Permohonan e-Permit dalam talian hanya boleh didapati melalui perkhidmatan ejen mengimport anda, sila berikan nombor tempahan tersebut kepada ejen yang dilantik.

\*<sup>6</sup> Pegawai MAQIS akan memberi sebab mengapa permohonan itu ditolak.

#### **LANGKAH 5: CETAK PERMIT IMPORT**

- i. Setelah permohonan tersebut diluluskan dan bayaran dibuat, ejen yang dilantik boleh mencetak permit import dengan segera.
- ii. Pastikan pemohon menerima salinan asal Permit Import daripada ejen yang dilantik oleh pemohon .
- iii. Sediakan rekod vaksinasi yang telah dikemaskini bersama-sama dengan salinan asal Permit Import dan Sijil Kesihatan Veterinar untuk pemeriksaan oleh Pegawai MAQIS sebaik tiba di pintu masuk.

## PANDUAN PEMUNYA HAIWAN (PENGIMPORT/EJEN/PEMILIK) SEMASA HAIWAN KESAYANGAN DIKUARANTIN DI STESEN KUARANTIN HAIWAN (SKH)

### A. Penyerahan haiwan sewaktu ketibaan di Pintu Masuk (Contoh masuk melalui KLIA)

1. Sila serahkan haiwan kesayangan bersama-sama dengan dokumen import kepada Pegawai MAQIS di pintu masuk untuk diperiksa

1. Dokumen import:
  - i. Permit Import (Salinan Asal)
  - ii. Sijil Kesihatan Veterinar (Salinan Asal) yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Veterinar Negara Pengeksport
  - iii. Buku Vaksinasi/Sijil Vaksinasi/*Pet passport*
  - iv. Keputusan Makmal seperti yang dinyatakan dalam syarat permit import (Untuk Australia sahaja) (Salinan Asal)
  - v. Borang Tempahan Ruang Kuarantin (MK1) yang telah diluluskan. (Salinan)
  - vi. Surat kelulusan pengimportan anjing baka terhad (Salinan)

### B. Proses kemasukan haiwan ke SKH dan Pendaftaran sebagai Pemunya Haiwan

1. Haiwan kesayangan dan dokumen import hendaklah dihantar ke SKH dengan menggunakan kenderaan sendiri atau kenderaan ejen yang dilantik.  
\*1
2. Pemunya haiwan bertanggungjawab memastikan haiwan dibawa ke SKH untuk menjalani prosedur kuarantin seperti yang ditetapkan.
3. Pemunya haiwan dikehendaki untuk menanda-tangani borang aku janji (Borang MK2) semasa penyerahan haiwan kesayangan.
4. Pendaftaran sebagai pemunya haiwan hendaklah dilakukan dengan mengisi Borang MK5 di pejabat SKH. Takrifan pemunya haiwan adalah mana-mana individu/syarikat/organisasi yang tertera nama dan maklumat pada dokumen import (permit, Sijil Kesihatan Veterinar, Buku Vaksinasi, Borang K1 atau Surat Kelulusan Mengimport).
5. Sila pastikan semua peralatan yang diperlukan dan makanan serta minuman haiwan kesayangan disediakan dan dibawa bersama ke ruang kuarantin yang telah ditempah.
6. Bagi bilik dilengkapi penghawa dingin sila setkan suhu penghawa dingin mengikut keperluan.

\*1 Jika tiba melalui terminal penumpang KLIA/KLIA2 selepas jam 1900, proses penghantaran hendaklah dilakukan oleh ejen yang dilantik.

**Peringatan :** Kenderaan hanya dibenarkan di bawa masuk ke kawasan kuarantin pada hari haiwan masuk ke dalam kuarantin dan hari keluar kuarantin sahaja.



## **PANDUAN PEMUNYA HAIWAN (PENGIMPORT/EJEN/PEMILIK) SEMASA HAIWAN KESAYANGAN DIKUARANTIN DI STESEN KUARANTIN HAIWAN (SKH)**

### **C. Prosedur melawat haiwan kesayangan di dalam SKH**

1. Hanya pemunya haiwan yang berdaftar sahaja yang dibenarkan untuk melawat.
2. Waktu lawatan yang telah ditetapkan hendaklah diketahui dan dipatuhi.
3. Pastikan maklumat masuk ke SKH dicatat di buku daftar pelawat dan Pas Pelawat telah diambil.
4. Setiap hari selepas lawatan, pastikan Pas Pelawat dikembalikan dan maklumat keluar dicatatkan di buku daftar pelawat.

### **D. Pengambilan sampel oleh Pegawai MAQIS**

1. Pemunya haiwan dikehendaki untuk hadir semasa proses pengambilan sampel hanya apabila diperlukan dan dihubungi oleh pihak MAQIS.

### **PENJAGAAN HAIWAN SEMASA DI DALAM SKH**

#### **E. Memberi makan dan minum**

1. Pemunya haiwan dikehendaki menyediakan makanan dan minuman secukupnya kepada haiwan kesayangan setiap hari.
2. Adalah menjadi tanggungjawab pemunya haiwan (pengimport/ejen/pemilik) untuk memastikan haiwan kesayangan diberi makanan dan air secukupnya setiap hari semasa berada di kuarantin.

#### **F. Membersihkan kandang/bilik kurungan**

1. Pemunya haiwan dikehendaki untuk membersihkan kandang/bilik kurungan haiwan kesayangan setiap hari selama haiwan kesayangan menjalani kuarantin.

#### **G. Tanda-tanda tidak normal**

1. Jika pemunya haiwan mendapati sebarang tanda-tanda tidak normal pada haiwan kesayangan, sila hubungi serta-merta pihak pengurusan SKH.

#### **I. Proses tamat kuarantin**

1. Pemunya haiwan dikehendaki menunjukkan salinan Borang Aku Janji (Borang MK2) semasa mengambil haiwan kesayangan yang telah tamat menjalani tempoh kuarantin.
2. Sila sahkan surat akuan terimaan haiwan dan pastikan segala caj dibayar. Simpan resit untuk rujukan.
3. Sila pastikan Sijil Kuarantin telah dikeluarkan untuk haiwan kesayangan .
4. Sila pastikan tiada peralatan ditinggalkan dan segala sisa dan sampah telah dibuang.

## TEMPOH KUARANTIN DI SKH

### NEGARA YANG DIKECUALIKAN SYARAT KUARANTIN

Anjing dan kucing dari United Kingdom, Eire, Northern Ireland, Sweden, New Zealand, Jepun, Brunei dan Singapura tidak tertakluk kepada syarat kuarantin dengan syarat haiwan itu sihat dan semua dokumen adalah lengkap.

### NEGARA YANG TIDAK DIKECUALIKAN SYARAT KUARANTIN

Anjing dan kucing dari negara-negara lain (selain daripada United Kingdom, Eire, Northern Ireland, Sweden, New Zealand, Jepun, Brunei dan Singapura) adalah tertakluk kepada kuarantin sekurang-kurangnya 7 hari.

### NEGARA AUSTRALIA

Anjing dan kucing daripada Australia dikenakan syarat pengasingan selama 10 hari untuk pengesanan penyakit Hendra Virus.

## FI DAN CAJ

Sila rujuk Peraturan-peraturan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia  
( Fi dan Caj) 2013

## WAKTU LAWATAN SKH

| Isnin hingga Khamis                                    | Jumaat   | Sabtu, Ahad dan Cuti Umum                              |
|--|--|--|
| 10.30 pagi - 12.30 petang<br>2.00 petang - 4.00 petang | 10.30 pagi - 11.45 petang<br>3.00 petang - 4.00 petang | 10.00 pagi - 12.30 petang<br>2.00 petang - 4.00 petang |

## **ALAMAT STESEN KUARANTIN HAIWAN (SKH)**

### **Alamat SKH KLIA:**

Stesen Kuarantin Haiwan KLIA,  
Jalan Pekeliling 4, Zon Selatan, 64000 KLIA, Sepang, Selangor

No. Telefon SKH KLIA:

+603 87872377, +603 87872379 and +603 87871090

No. Faks SKH KLIA:

+60 3-8787 2378

Alamat Email SKH KLIA:

skhklia@dvs.gov.my

### **Alamat SKH Pulau Pinang:**

Stesen Kuarantin Haiwan Pulau Pinang  
9583, Jalan Ban, 11960 Bayan Lepas,  
Pulau Pinang

No. Telefon SKH Pulau Pinang:

+604 6451292 and 04 6451296

No. Faks SKH Pulau Pinang:

+604 6451302

Alamat Email SKH Pulau Pinang:

maqisbatumaung@gmail.com

### **Alamat SKH Padang Besar:**

Stesen Kuarantin Haiwan Padang Besar  
02100 Padang Besar, Perlis

No. Telefon SKH Padang Besar:

+604 949 0230

No. Faks SKH Padang Besar:

+604 9491163



**UNTUK MEMBUAT KOMEN DAN PANDANGAN ANDA SILA HUBUNGI IBU PEJABAT MAQIS:**

KETUA PENGARAH

JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)

ARAS 4, MENARA 4G1, WISMA TANI,

NO.28 PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

62624 PUTRAJAYA

NO. TELEFON: +603 8000 8000

NO. FAKS: +603 88886904 / +603 88884855

EMAIL: [feedback.maqis@moa.gov.my](mailto:feedback.maqis@moa.gov.my)

**UNTUK PERTANYAAN BERKENAAN TEMPAHAN KUARANTIN, SILA BERHUBUNG TERUS DENGAN PEJABAT STESEN KUARANTIN HAIWAN.**